



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 JULAI 2019 (ISNIN)

AKHBAR	MUKA SURAT
Berita Harian	
- 11 lokaliti di KL jadi lokasi pemula	09
- Premis kitar semula kena sita masih operasi	12
- Kumpul kilang dalam satu lokasi	12
The Star	
- Mount Rubbish mars lake	01-03

KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	11 lokaliti di KL jadi lokasi pemula
Muka Surat	09

BH 8/7/19 M/S 9.

Nasional

Telur nyamuk aedes disuntik bakteria Wolbachia

11 lokaliti di KL jadi lokasi pemula

Langkah proaktif cegah kes denggi makin meningkat

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 11 lokaliti di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dipilih menjadi lokasi pemula pembiakan telur nyamuk Aedes disuntik bakteria Wolbachia dalam usaha kerajaan menurunkan kes denggi di negara ini.

Langkah proaktif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu diambil berikutan peningkatan mendadak kes denggi yang hingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 62,421 kes denggi dilaporkan dari 1 Januari hingga 29 Jun memabitkan 93 kematian, berbanding 32,435 kes bagi tempoh sama pada 2018, iaitu peningkatan sebanyak 29,986 kes (92.4 peratus). Sebanyak 53 kematian dicatatkan dalam tempoh sama 2018.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Malaysia adalah negara kedua di dunia selepas Australia yang melaksanakan kaedah berkenaan sebagai pencegahan terhadap kes denggi.

Katanya, Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Denggi meluluskan pelaksanaan operasi itu selepas kajian rintis di lapangan lokaliti di Selangor pada Mac 2017 menunjukkan hasil positif apabila berjaya menurunkan kes denggi hingga 80 peratus.

"Bagi fasa pertama, operasi pelepasan telur nyamuk Aedes disuntik bakteria Wolbachia memabitkan negeri berkepadatan penduduk dan beban kes denggi tinggi iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

"Pelaksanaan seterusnya akan diperluaskan ke negeri lain. KKM akan sentiasa memantau dan membuat analisa situasi bagi memastikan keberhasilan operasi ini," katanya pada Majlis Pelepasan Telur Nyamuk Aedes Ber-Wolbachia, di sini, semalam.

Pada 2 April lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata nyamuk disuntik bakteria Wolbachia adalah inovasi dalam menangani peningkatan kes denggi.

"Bakteria Wolbachia disuntik ke dalam telur nyamuk Aedes Aegypti. Nyamuk berkenaan akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di dalam nyamuk, seterusnya menghalang penyebaran virus denggi," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut berharap supaya wakil rakyat, penduduk setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi sokongan penuh terhadap pelaksanaan operasi itu.

"Walaupun operasi ini dilaksanakan bagi mencegah denggi namun aspek kebersihan persekitaran dan aktiviti memusnahkan tempat pembiakan Aedes tetap menjadi keutamaan kepada semua pihak terutamanya penduduk setempat," katanya.

PROGRAM KAWALAN DENGGI MELALUI PROJEK WOLBACHIA DI KAWASAN ANDA

- Projek ini adalah usaha Kementerian Kesihatan mengawal denggi
- Apakah Wolbachia? Wolbachia adalah bakteria yang hidup dalam sel serangga berukurun tahun dahulu dan diwarisi kepada generasi seterusnya melalui telur
- Wolbachia secara semula jadi terdapat dalam lebih 60% jenis serangga
- Wolbachia tidak berbahaya kepada manusia, haiwan, dan alam sekitar
- Wolbachia akan merencatkan keupayaan serangga untuk menyebarkan virus termasuk virus denggi
- Nyamuk ber-Wolbachia tidak dapat menyebarkan virus denggi kepada manusia
- Nyamuk aedes ber-Wolbachia ini selamat kepada manusia dan alam sekitar

www.infosihat.gov.my

BEKAS HITAM BESAR (Release container-RC)
Mengandungi telur nyamuk bagi menghasilkan nyamuk dewasa aedes ber-wolbachia

BEKAS HITAM KECIL (Ovitrap container)
Digunakan untuk memantau kehadiran nyamuk aedes ber-Wolbachia

Jika anda menjumpai bekas hitam besar berlabel seperti di atas, mohon kerjasama untuk:

- Tidak mengganggu atau mengalih bekas ini
- Memberitahu orang lain untuk tidak mengganggu atau mengalih bekas ini
- Tidak membuang air dari bekas-bekas ini
- Tidak memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas ini

Sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau hotline Kementerian Kesihatan Malaysia
Tel: 03-88833231 | Isnin-Jumaat : 8.00 pagi - 4.00 petang



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 JULAI 2019 (ISNIN)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Premis kitar semula kena sita masih operasi
Muka Surat	12

Premis kitar semula kena sita masih operasi

Sungai Petani: Salah sebuah kilang kitar semula yang disita Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah baru-baru ini, dipercayai masih beroperasi di kawasan Kedah Halal Park.

Tinjauan BH ke kilang berkenaan mendapati, terdapat kenderaan dipercayai milik kakitangan berada di luar kilang manakala jentera mengangkut sisa bahan plastik masih beroperasi di dalam kawasan premis.

Malah, penduduk sekitar Kelab Cinta Sayang, Ambangan Heights dan Bukit Bayan yang melalui Jalan Lencong Timur setiap hari, pasti dapat melihat timbunan plastik di kawasan kilang yang dianggarkan seluas lapan hektar itu.

Bagaimanapun, usaha mendekati kilang berkenaan dihalang individu dipercayai 'tonto' yang menyergah dan menghalau wartawan serta jurugambar yang meninjau pintu masuk ke kilang.

Malah, kumpulan media turut diberi amaran lisan dan anggota onto mengekori kenderaan yang dinaiki sehingga ke jalan utama.

Aktivis alam sekitar, Dr Theoh Shen Jen, berkata kilang kitar semula di Jalan Lencongan Ti-

mur ini adalah antara yang terbesar di daerah ini dan terletak kira-kira lima kilometer dari Kawasan Industri Bakar Arang.

Pihaknya percaya kilang berkenaan masih menjalankan operasi berdasarkan bacaan alat kualiti udara yang menunjukkan peningkatan drastik mulai tengah malam sehingga awal pagi.

"Kita percaya kilang ini masih melakukan pembakaran bahan kitar semula berdasarkan laporan dibuat penduduk taman perumahan sekitar Jalan Lencong Timur yang menghidu bau busuk hampir setiap malam.

"Bacaan tahap kualiti udara juga menunjukkan jumlah partikel halus meningkat sehingga lebih 200 mikrometer pada tengah malam kelmarin," katanya ketika ditemui semalam.

Bacaan normal partikel halus yang dianggap selamat sepatutnya pada tahap 35.4 mikrometer, dengan lebih partikel halus boleh menyebabkan manusia menghidu habuk berkenaan terdedah kepada pelbagai penyakit.

BH sebelum ini melaporkan, kawasan Bakar Arang, Sungai Petani bakal mengalami nasib sama seperti Pasir Gudang beri-



Kelihatan longgokan sisa plastik yang belum diproses serta keputihan asap hitam keluar dari kilang yang beroperasi di kawasan kilang kitar semula, Bakar Arang. [FOTO SHARUL HAFIZ ZAM /BH]

kutan berdepan masalah pencemaran udara sehingga menyebabkan kesihatan penduduk terjejas.

Ini berikutan kewujudan sekurang-kurangnya 20 kilang melakukan operasi kitar semula yang kebanyakannya adalah sisa plastik yang diimport sehingga menyebabkan pencemaran udara dan bau yang teruk.

Mengulas mengenai bacaan tahap udara JAS Kedah yang mendapati kualiti udara di Sungai Petani berada dalam keadaan sederhana baik semalam, Dr Theoh

berkata, ini kerana bacaan itu dibuat pada waktu siang.

"Saya minta pegawai JAS Kedah guna alat bacaan tahap kualiti udara mudah alih dan periksa kualiti udara di kawasan kilang Bakar Arang dan Jalan Lencong Timur antara jam 1 hingga 5 pagi pada hari bekerja.

"Kesan daripada kilang kitar semula ini bukan hanya menjejaskan 1,000 atau 2,000 orang sahaja, tetapi jika berterusan boleh membawa masalah kepada lebih 200,000 penduduk Sungai Petani," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kumpul kilang dalam satu lokasi
Muka Surat	12

12 ISNIN, 8 JULAI 2019 BH

Nasional

BH 8/7/19 MS 12

Kumpul kilang dalam satu lokasi

Mudahkan pemantauan, pelaksanaan penguatkuasaan

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

Putrajaya: Mulai tahun depan, semua kilang berkaitan bahan kitar semula dan yang berisiko menyebabkan pencemaran ditempatkan di satu lokasi sama bagi memudahkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata sehubungan itu, di setiap negeri akan mempunyai sekurang-kurangnya dua zon perindustrian yang menempatkan kilang seumpama itu dengan jenis industri lain.

"Menjelang tahun 2020, saya mencadangkan satu pusat perindustrian setempat yang menem-

patkan semua kilang berkaitan kitar semula dan kilang seumpamanya di lokasi yang sama supaya mudah kita pantau dan ambil tindakan," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Beliau mengulas siri laporan eksklusif BH baru-baru ini yang mendedahkan sekurang-kurangnya 20 zon perindustrian diibarat menjadi 'bom jangka' yang menyebabkan penduduk terdedah kepada bahaya pencemaran, termasuk pelepasan gas beracun.

Mengikut peraturan JAS, terdapat tiga kategori pengelasan industri iaitu industri ringan, sederhana dan berat.

Susulan itu, beberapa pakar berpendapat garis panduan ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) ketika ini bagi menentukan zon penempatan yang selamat di antara zon perindustrian dan perumahan wajar dikaji semula bagi mengurangkan risiko apabila berlaku pencemaran.

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Ir



Zuraida Kamaruddin

Eksklusif

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, menerusi pengasingan kilang itu, semua kilang kitar semula sedia akan dipindahkan ke lokasi baharu dan pihaknya kini dalam proses mengubah akta bagi membolehkan ia dilaksanakan.

"Kita juga sudah mula mengenal pasti kawasan seluas antara 40 hingga 80 hektar untuk dijadikan kawasan perindustrian setempat. Menerusi langkah ini, semua kilang lama akan dipindahkan ke sini," katanya.

Berhubung penguatkuasaan terhadap kilang haram, Zuraida berkata, susulan kejadian pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor, pihaknya mahu tindakan tegas terhadap kilang haram di seluruh negara.

Katanya, pada masa sama langkah penguatkuasaan termasuk menyita kilang haram dan mengambil tindakan mahkamah akan dijalankan berbanding sebelum ini kebanyakan PBT hanya mengenakan kompaun RM300 bagi kilang yang beroperasi secara haram.

"Saya juga sudah minta Menteri

Besar Johor menubuhkan jawatankuasa khas untuk menangani kilang haram di Pasir Gudang. Jawatankuasa ini menyeluruh dengan turut disertai PBT dan Pejabat Tanah dan Galian.

Beliau juga berkata, semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang menjaga portfolio PBT diarahkan mengambil tindakan tegas terhadap kilang haram bagi memastikan tidak mencemar alam sekitar.

"Saya selalu sebut bahawa negara kita ada undang-undang. Kalau kita ikut undang-undang (kuat kuasa), kita boleh jadi seperti Singapura dan Korea (yang mempunyai undang-undang ketat) tetapi penguatkuasaan kita lemah.

"Sehubungan itu kita mahu PBT kena tegas menguatkusakaan dan pemantauan. Jangan bila mereka (pengusaha kilang) merayu dan ahli politik masuk campur, habis.

"Kita sudah mempunyai perancangan yang cantik (bagus) tetapi ia jadi kerepot (bila penguatkuasaan lemah)," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 08 JULAI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Mount Rubbish mars lake
Muka Surat	01-03

StarMetro GREATER KLANG VALLEY

THE STAR, MONDAY 8 JULY 2019 (03) 7967 1388 ext 1706/1320/1496 (Editorial) metro@thestar.com.my (03) 7966 8388 (Advertising) (03) 7966 8200 (Classified)

NEWS
Public can apply for OKU parking bays >4

EVENTS
Kids help kids through charity bazaar >7

SPORTS
Former national shuttlers play for Buddhist charity >11

Mount Rubbish mars lake

pe 8/7/19 MS 07-03

A scenic spot in Sungai Pelek complete with tables and benches could have been an ideal picnic site except for the garbage everywhere. KDEB Waste Management says the clean-up will require heavy machinery, making it a very costly affair. >2&3



Not quite idyllic: Sepang and Sungai Pelek Temple Associations and Organisations chairman Joshua Tee is saddened by the state of the lake in Sungai Pelek that has been made a dumping ground. — GRACE CHEN/The Star



Starmetro watch

TRAFFIC ANNOUNCEMENTS

● There will be a continuation of lane closures at Jalan Raya Satu, Seri Kembangan from today to Jan 12, 2020. Construction works to relocate utilities will be on round-the-clock. For details, visit kmrt.com.my

● There will be temporary road closures in Persiaran Kerjaya (both Shah Alam-bound and Subang/Kuala Lumpur-bound) from today to Dec 18, Monday to Saturday from 9am to 5pm and 11pm to 5am. It is to facilitate utilities relocation works for the LRT3 project. For details, call 1 800 18 2585 (LRT3 hotline).

FREE BLOOD TEST

National Diabetes Institute is giving free blood test and health counselling to selected people throughout this month, from Monday to Friday, at D' Centers in Bandar Botanic, Klang. For details and to book an appointment, call 03-33194100/4200 or email enquiry@centersdiabetes.com

HEALTHCARE DAY

Etiga is hosting Etiga Healthcare Day at Dataran Maybank, Bangsar, Kuala Lumpur on July 10, from 9am to 2pm. Open to public. There will be over 20 different free health screenings and talks.

MPAJ CYCLING EVENT

Ampong Jaya Municipal Council is having a cycling event in conjunction with National Day on Aug 24, from 10am to 4pm, at Padang Perbandaran in Pandan Indah, Selangor. Open to those between 13 and 65 years old. Registration fee is RM25. Cycling route is 13km. There will be lucky draws and also prizes for best dressed. Registration form is available at www.mpa.gov.my and for details, call 019-221 4036 (Az), 017-820 4448 (Asyraf) or email programbl@gmail.com

FREE MAMMOGRAM

Malaysians Urgent Care Clinic Sdn Bhd offers free mammogram to selected women at Poliklinik MJC in Kajang, Selangor on Aug 4 at 10am. Criteria include women aged 40-65, with a family history of cancer, not pregnant and have not had a mammogram in the past two years. To register, call 03-8740 8940 or 016-2700 943.

SMK METHODIST ALUMNI

Old Pupils Association of the Methodist English School, Teluk Datuk (Mesopa) is organising a high-tea at the Indoor Sports Complex of SMK Methodist Teluk Datuk on July 20, at 3pm. It will honour the first principal VK Vincent Daniel. Tickets are RM50 per adult. There is no charge for children below 12. To register, call 012-292 6090 (Samson Sevanjanam). Former students can register as a member of Mesopa via forms.gle/cw9K61qPdXNbvLyp7

HEALTH TALK

Sunway Medical Centre is organising a public forum on expanded haemodialysis tomorrow at 9.30am at the hospital's Tower A, SunMed Convention Centre. Registration is free. For details, call 03-74911052 or email sunmedpr@sunway.com.my

WALK FOR DEPRESSION

The 2019 Walk-a-hunt: Walk for Depression will be on July 14 from 8am to 11am at Taipan USJ10, Subang Jaya. It aims to raise awareness and de-stigmatise depression. Registration fee is RM60 for a group of two. Proceeds from the event will go to Befrienders, Malaysian Mental Health Association, Mental Illness Awareness and Support Association, Relate Malaysia, Welfare Department, Malaysian Psychiatric Association and Malaysia Society of Clinical Psychology. To register, visit bit.ly/WalkAHunt2019

RUN FOR PEACE

Registration for Run for Peace 2019 is open. It will be held on various dates throughout September at 28 locations nationwide and is a non-competitive event organised by Soka Gakkai Malaysia. Registration fee is RM30. For details, visit www.runforpeace.com.my



Plastic bags, construction debris, clothes and even a bag can be seen discarded on the shores of the lake near Kampung Baru Sepang.

Mounds of rubbish litter Sepang's scenic spot

KDEB says clean-up may cost as much as RM30,000 and takes about one week

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

FRINGED by green palm trees and caressed by a constant gentle breeze, a lake near Kampung Baru Sepang in Sungai Pelek, Selangor, has all the makings of a recreational area.

But any hope for this is dashed now as illegal rubbish dumping has turned this scenic spot into an eyesore.

"It is heartbreaking," said Sepang and Sungai Pelek Federation of Temple Associations and Organisations chairman Joshua Tee of the rubbish pollution.

Pointing to a short brick road and two sets of cement tables and benches amid the overgrown grass, Tee noted this would have been an ideal site for lakeside picnics except for the mounds of rubbish cluttering the shoreline and water surface.

"There is a foul smell coming from the water which has turned black.

"Based on the tyre tracks leading up to the lake, we suspect tippers have been coming here to dump rubbish regularly," he said.

Tee was alerted to ongoing fly tipping activities at the site by an anonymous informant.

Though the dumping is taking place on private agricultural land, the people are concerned as to what type of waste is being thrown into the lake and the surrounding vicinity.

With residents already grappling with the existence of a plastic processing factory in their neighbourhood, Tee said the last thing they needed was an illegal dumpsite "in their backyard."

"We can see plantation waste, construction debris, used car spare parts, old clothes and domestic waste on the land.

"But who knows what is being dumped into the water?" he pointed out.

Though the lake is nameless, Kampung Baru Sepang chief Tai Cho Sing said locals



One landowner has built a low wall of earth to stop illegal dumpers from trespassing the land in Sungai Pelek.

had known of its existence for some time.

"The lake resulted from a nearby factory's brick-making activity. A lot of clay has been dug up to make bricks, so the lake is very deep," he said.

As the illegal dumping activity was taking place on private land, he advised the landowners to make a police report so that authorities could take action.

A check with Sepang Land and District Office reveals the man-made lake is divided into three different lots and six individuals have been named as owners.

When contacted and shown the latest pictures of current conditions, one of the land-

owners expressed shock and anger as the presence of rubbish would no doubt have a devaluing effect on his property.

He said the culprit was taking advantage of the owners' absence, such as himself who had only visited the property once in three years.


"The last time we came, there were anglers and a dragon fruit farm nearby. It did not look deserted then.

"We put up a metal fence to cordon off the area but the railings have since been stolen because no one is keeping an eye on the place," he added.

In giving estimates for clean-up opera-



Residents from a village nearby say there is a foul smell from the lake. Rubbish is also dumped at the side of the road leading up to the lake.



This awful sight of rubbish at the water edge has villagers nearby worried about the unseen waste in the lake.



Ramli estimates 15 to 20 tonnes of rubbish at the site based on what he can see.



A contraption built at the lakeside for unknown purpose.



Tai suggests the landowners make a police report so that authorities can take action against the culprits of illegal dumping.

“It is the responsibility of landowners to safeguard the boundaries and interests of their land. On the issue of rubbish dumping here, PTD Sepang will carry out its own investigation.”

Firdaus Azwan Omar

tions, KDEB Waste Management managing director Ramli Mohd Tahir said the process would require heavy machinery in the form of backhoes and boats to clear the visible rubbish.

He said clean-up time might take a week and cost up to RM30,000, including tipping fees for the rubbish to be disposed of in landfills.

He said there looked to be roughly 15 to 20 tonnes of rubbish.

“These numbers are based only on the surface rubbish.

“It may be more because we do not know

how deep the lake is,” said Ramli.

A check with Sepang District Land Office (PTD Sepang) revealed the man-made lake was part of a cluster of private land lots registered as Lot 727, Lot 255 and Lot 447 under the Sepang district.

In a written reply, PTD Sepang Land Management Division technical and enforcement unit assistant district officer Firdaus Azwan Omar said it was the responsibility of landowners to safeguard the boundaries and interests of their land.

On complaints of rubbish dumping here by residents, PTD Sepang said it would carry out its own investigation with the landowners to obtain clarification on the illegal dumping activities at the site before taking further action.

Firdaus said ultimately, the landowners would have to clear the rubbish.

In addition, he said, they might be subjected to action by other government agencies such as MPSepang and Environment Department in accordance with the provisions of the law.

“If the landowners themselves are guilty of the dumping, action will be taken against them under Section 125 of the National Land Code 1965 for breach of conditions.

“If the landowner fails to restore the land, his land will be forfeited under Section 130 of the same act,” he added.

EXPERIENCE MACAO Your Own Style

澳门大促销

MACAO SUPER SALE

11-14 July 2019
LG2, Blue Concourse, Sunway Pyramid Shopping Mall

Various activities including:

- ✓ "Macao Turns 20" contest
- ✓ DIY Scratch Macao Postcard
- ✓ "Macao Turns 20" Memory Matching Game
- ✓ "Experience Macao Grand Prix Style" PS4 Game
- ✓ Macao Travel Sharing Sessions

Get Special Gift 2X with any purchase of MACAO TRAVEL PACKAGE -in this roadshow!

MACAO GOVERNMENT TOURISM OFFICE
www.macaotourism.gov.mo
03 2144 2500
MacaoTourismMalaysia